

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 2 OGOS 2017

MUKA SURAT: 13

MBPP, MPSP bayar untuk terima anugerah palsu?

PULAU PINANG 1 Ogos - Kerajaan DAP Pulau Pinang dibi-bas kerana dilihat seolah-olah lepas tangan dalam isu penerimaan 'anugerah palsu' oleh dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

Presiden Parti Hadapan Penang (PFP), Datuk Patrick Ooi berkata, Ketua Menteri, Lim Guan Eng sepatutnya membuat permohonan maaf secara terbuka berikutan pendedahan dua PBT itu menerima anugerah daripada Europe Business

Assembly (EBA) yang dipertikai ketulenannya.

Beliau mendakwa, anugerah yang diterima Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 2013 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 2014 itu turut membabitkan bayaran tertentu.

"Guan Eng sepatutnya bertanggungjawab dan tampil memohon maaf kepada penduduk negeri ini sebagai pembayar cukai.

"Kontroversi penerimaan

anugerah ini bukan sahaja memalukan penduduk negeri ini malah menimbulkan persoalan mengenai prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang kononnya menjadi amalan kerajaan DAP Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di pejabat SPRM negeri di Jalan Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.